

02/04/1998

Spekulasi berakhir

KOTA BHARU, Rabu -Kesemua 14 bahagian Umno di Kelantan yang selesai mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing 29 Mac lalu, mematuhi arahan pucuk pimpinan supaya tiada pertandingan bagi jawatan ketua bahagian untuk mengelak perpecahan dalam parti.

Keadaan itu sekali gus menamatkan spekulasi bahawa hampir semua bahagian Umno di negeri ini akan menjadi medan pertarungan sengit apabila jawatan penting dipertandingkan.

Penyandang ketua bahagian di Kelantan diberi keistimewaan mengekalkan jawatan mereka, kecuali Bahagian Gua Musang, kerana mempunyai muslihat selaras keadaan politik negeri ini.

Walaupun pahit, hakikat ini diterima oleh semua ahli Umno demi perpaduan dan masa depan parti itu. Malah, ada yang menyifatkan nasihat pucuk pimpinan itu sebagai suatu rahmat bagi Umno Kelantan kerana jika wujud pertandingan ia akan membawa kepada perpecahan lebih buruk kepada parti.

Di Gua Musang, bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah diberi tempat untuk memegang jawatan Ketua Umno bahagian itu apabila penyandanganya, Mohd Saufi Deraman, bersetuju melepaskan jawatan itu dan memegang jawatan timbalan ketua bahagian.

Kerusi Naib Bahagian yang mulanya diramal menyaksikan perebutan sengit tiga penjuru, diberi kepada `anak buah' Tengku Razaleigh, Datuk Mohd Rozali Isohak, yang juga bekas Pengerusi Badan Perhubungan S46 negeri.

Di Tumpat pula, penyandang jawatan ketua bahagian, Mansor Salleh, memberi laluan kepada Pengarah Institut Kajian Dasar (IKD), Datuk Kamaruddin Jaafar, untuk memegang jawatan itu. Mansor memegang jawatan timbalan bahagian itu.

Semangat yang ditunjukkan oleh semua bahagian Umno di Kelantan kerana mematuhi nasihat pucuk pimpinan parti dialu-alukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Jeli, Kelantan, pada 26 Mac lalu.

(END)